

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan di antara semua 279 Pertubuhan Peladang Kawasan :-

- (a) berapa PPK yang mempunyai ahli bukan bumiputera di setiap negeri serta peratusan daripada jumlah keahlian; dan
- (b) berapa jemaah Pengarah PPK di setiap negeri yang mempunyai ahli lembaga bukan Bumiputera serta peratusan daripada jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2021, daripada jumlah keseluruhan 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di setiap negeri, sebanyak 236 daripadanya mempunyai ahli bukan Bumiputera manakala selebihnya sebanyak 43 PPK lagi mempunyai keseluruhan ahli daripada kalangan Bumiputera.

Sementara itu, daripada keseluruhan 920,678 orang ahli peladang pula, sebanyak 3.98 peratus iaitu seramai 36,655 orang adalah ahli bukan Bumiputera manakala selebihnya sebanyak 96.02 peratus keahlian adalah merupakan ahli Bumiputera.

Manakala, sehingga September 2021, sebanyak 7 orang Jemaah Pengarah PPK terdiri daripada ahli bukan Bumiputera iaitu 0.4 peratus daripada keseluruhan 1,953 orang Jemaah Pengarah PPK.

Berdasarkan Seksyen 9 (1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109] dan Peraturan 26 (1)(2) dan (3) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan Perundangan Pertubuhan Peladang, mana-mana peladang layak menjadi anggota PPK tertakluk kepada syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan untuk menjadi anggota Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai agensi amanah Bumiputera dan institusi berkepentingan Bumiputera yang diambil kira dalam pengiraan ekuiti serta nama syarikat-syarikat dan nilai berkenaan di bawah setiap agensi tersebut yang diambil kira dalam pengiraan ekuiti Bumiputera.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyumbang terbesar bagi institusi kepentingan Bumiputera ialah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan jumlah pegangan dalam 158 buah syarikat yang dilaburkan melalui tabungan seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), ASB2 dan Amanah Saham Nasional (ASN) yang bernilai RM227 bilion pada tahun 2019. Antara pegangan utama PNB adalah Malayan Banking Berhad (Maybank), Sime Darby Berhad dan UMW Holdings Berhad. Bilangan syarikat di bawah institusi kepentingan Bumiputera yang lain adalah seperti berikut:

- i. Lembaga Tabung Haji : 121 buah syarikat;
- ii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) : 97 buah syarikat; dan
- iii. Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) : 5 buah syarikat.

2. Penyumbang terbesar dalam pengiraan ekuiti pemilikan ekuiti sektor korporat bagi agensi amanah Bumiputera adalah Perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN) dengan jumlah pegangan dalam 298 buah syarikat yang bernilai RM26 bilion pada tahun 2019. Antara pegangan utama PKEN adalah Worldwide Holdings Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Johor Land Berhad. Bilangan syarikat di bawah pegangan agensi amanah yang lain adalah seperti berikut:

- i. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) : 15 buah syarikat;
- ii. Majlis Amanah Rakyat (MARA) : 78 buah syarikat;
- iii. Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) : 10 buah syarikat;
- iv. Perbadanan Nasional Berhad (PNS) : 9 buah syarikat;
- v. VentureTech Sdn. Bhd. : 6 buah syarikat;
- vi. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) : 3 buah syarikat; dan

- vii. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) : 20 buah syarikat.

3. Bagi memastikan pemilikan ekuiti Bumiputera terus mampan, Kerajaan akan memperkenalkan kerangka jaringan keselamatan ekuiti. Kerangka ini memberi fokus terhadap penjualan saham atau syarikat milik agensi mandat Bumiputera ditawarkan dan dijual kepada konsortium, syarikat atau individu Bumiputera yang lain.

4. Seperti yang telah dijelaskan, inisiatif ini hanya merujuk kepada penjualan saham dan syarikat oleh agensi mandat Bumiputera sahaja. Agensi mandat Bumiputera yang dimaksudkan dalam inisiatif ini adalah seperti berikut:

- i. Agensi amanah Bumiputera merangkumi:
 - Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri;
 - Majlis Amanah Rakyat (MARA);
 - Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS);
 - Pelaburan Hartanah Berhad (PHB);
 - Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB);
 - Perbadanan Nasional Berhad (PNS);
 - VentureTECH Sdn. Bhd.; dan
 - Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
- ii. Institusi kepentingan Bumiputera merangkumi:
 - Permodalan Nasional Berhad;
 - Lembaga Tabung Haji (TH);
 - Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT); dan
 - Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM).

Sekian, terima kasih.